

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Amalan Bersembang dalam Kalangan Wanita Melayu Dewasa Awal: Satu Kajian Awal

(Factors Influencing Chatting Behavior in Internet Among Early Adult Women: A Preliminary Survey)

SHAZLI EZZAT GHAZALI, ROOSFA HASHIM,
PONNUSAMY SUBARAMANIAM, NORMAH CHE
DIN, MAHADIR AHMAD

ABSTRAK

Dalam era siber, masyarakat ditawarkan dengan satu lagi kegiatan yang melibatkan interaksi sosial iaitu bersembang di internet. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan bersembang di internet dalam kalangan wanita Melayu dewasa awal iaitu, dari umur 20 hingga 40 tahun. Satu soal selidik yang dibentuk oleh pengkaji digunakan untuk mengumpulkan data. Seramai 47 wanita Melayu dewasa awal daripada empat kafe siber telah dipilih menjadi responden. Keputusan menunjukkan kebanyakan daripada responden yang bersembang di internet adalah bujang iaitu, 82.9% dan kebanyakannya terdiri daripada mereka yang memiliki ijazah sarjanamuda iaitu, 55.3%. Di samping itu juga, sejumlah 68.1% responden bersembang di internet disebabkan oleh mencari rakan siber. Manakala 36.2% responden terlibat dengan amalan bersembang di internet disebabkan ketagihan iaitu setiap hari responden menghabiskan masa selama 3 jam. Tambahan lagi, 38.8% dan 34% daripada responden terlibat dengan amalan bersembang disebabkan oleh faktor kebosanan dan kesunyian. Di samping itu 17% daripada responden bersembang di internet disebabkan kemurungan. Kajian ini didapati kebanyakan daripada responden bersembang di internet disebabkan oleh ingin mengadakan hubungan yang baik dan intim dengan rakan siber di samping tempat untuk meluahkan perasaan sunyi, bosan dan murung.

Kata Kunci: Amalan Bersembang, Internet, Wanita Melayu Dewasa Awal

In cyber era, society was offered an activities involve social interaction such as chatting in internet. This study was carried out to determine the factors and purpose among early women involves in chatting activities. Forty seven women from four different Cyber Cafés was recruited for this study with range age from 20-40 years old. Self constructed questionnaires were used to data collections. Result showed that most of the respondent chat in internet are single 82.9% and most of them have degree 55.3%. Besides that, 68.1% respondent reported involved in chatting because of cyber friends. Futhtermore 36.2% respondent involved in chatting because of addition where everyday with minimum of 3 hours per day. Beside that, 38.8% and 34% respondent engaged in chatting due to boring and loneliness.

Keywords: Chatting Behavior, Internet, Early Adult Women

Pengenalan

Minat berseimbang di internet kini menjadi trend bukan sahaja kepada remaja, tetapi juga dalam kalangan profesional termasuk wanita. Terdapat banyak laman di internet yang menawarkan khidmat berseimbang kepada pelbagai kelompok masyarakat. Melalui kajian ini, pengkaji ingin menfokuskan kepada golongan wanita kerana bagi wanita, mereka berseimbang dengan pelbagai alasan. Alasan-alasan yang boleh diberikan oleh golongan wanita Melayu dewasa awal adalah untuk mengisi masa terluang, kesunyian, kebosanan, mewujudkan perhubungan persahabatan mahupun hubungan intim, mengatasi kemurungan dan mencari cinta melalui internet. Menurut kajian yang dibuat oleh Gilligan, C. (1982) golongan wanita dewasa awal amat sensitif kepada perhubungan yang akrab. Mereka tidak dapat menjalankan kehidupan seharian dengan sempurna jika tidak mempunyai keintiman dalam perhubungan. Oleh itu, pelbagai cara dilakukan oleh golongan wanita untuk memastikan wujudnya perhubungan sama ada di antara lelaki mahupun wanita. Selari dengan perkembangan semasa, laman-laman sembang di internet telah menjadi alternatif untuk mengadakan perhubungan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk; Pertama mengetahui status perkahwinan dan pendidikan wanita dewasa awal yang berseimbang di internet. Kedua mengenali faktor-faktor dan tujuan golongan wanita Melayu dewasa awal berseimbang di internet.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan priliminari. Seramai 47 orang wanita Melayu dewasa awal yang berumur di antara 20 hingga 40 tahun telah dipilih secara rawak di beberapa Siber Kafe sekitar Lembah Klang. Antaranya ialah Mol Cyber Café, Kampung Baru, Mutiara Cyber Café, Setapak, CyberPol, Pulapol, Jalan Semarak, Maf Cyber Café, Jalan Temerloh.

Alat kajian yang telah digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang telah dibentuk sendiri (self-constructed) oleh pengkaji. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: Bahagian A yang soalnya berkisar kepada maklumat demografik dan Bahagian B terdiri daripada 24 soalan yang diwakili oleh 5 faktor utama iaitu, ketagihan internet (soalan 1 hingga 4); kemurungan (soalan 5 hingga 9); persahabatan “rakan siber” (soalan 10 hingga 16); kebosanan (soalan 17 hingga 20); dan kesunyian (soalan 21 hingga 24). Kaedah skala Likert’s telah digunakan dalam mengukur faktor-faktor yang terlibat.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

STATUS PERKAHWINAN

Wanita Melayu dewasa awal yang bujang melaporkan jumlah tertinggi bersebang di internet. Ini adalah disebabkan kebanyakan daripada responden ini ingin mengadakan hubungan dan juga mencari pasangan hidup. Gilligan C. (1982) melaporkan wanita dewasa awal lebih amat sensitif kepada perhubungan yang akrab. Namun terdapat responden yang terdiri daripada yang berkahwin bersebang di internet disebabkan oleh faktor kemurungan dan kebosanan (12.8%).

JADUAL 1: Status Perkahwinan

| STATUS | n | % |
|-----------|----|------|
| Bujang | 39 | 82.9 |
| Berkahwin | 6 | 12.8 |
| Bercerai | 25 | 4.3 |
| Jumlah | 47 | 100 |

TAHAP PENDIDIKAN

Kebanyakan responden yang memiliki ijazah sarjanamuda cenderung untuk mengamalkan amalan berseimbang di internet. Ini mungkin disebabkan faktor umur yang semakin meningkat mendorong mereka untuk mencari pasangan hidup yang bersesuaian dengan mereka. Di samping itu juga, lebih ramai wanita yang berpendidikan tinggi mengamalkan aktiviti seimbang di internet berkemungkinan menunjukkan mereka mempunyai masalah psikologikal seperti ketagihan internet, kekurangan keyakinan diri, kekurangan sokongan keluarga dan sosial dan masalah keluarga.

JADUAL 2: Tahap Pendidikan

| TAHAP PENDIDIKAN | n | % |
|---|----|------|
| Sijil Pelajaran Malaysia | 14 | 29.8 |
| Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia / Diploma | 7 | 14.9 |
| Ijazah Sarjanamuda | 26 | 55.3 |

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI AMALAN
BERSEMBANG DI INTERNET

Faktor persahabatan rakan siber adalah faktor yang paling kerap mendorong kepada wanita Melayu dewasa awal berseimbang di internet (68.1%). Ini disebabkan oleh beberapa perkara antaranya adalah gemar berseimbang, mencari kenalan baru, hobi, ingin bercinta serta mencari jodoh. Kajian ini juga menunjukkan 70% responden yang berseimbang pernah keluar bersama dan berjumpa dengan “rakan siber”. Ini termasuk 29.8% (lelaki) dan 19.1% (perempuan). Ini disokong oleh kajian Gilligan C. (1982), di mana golongan wanita amat sensitif kepada hubungan yang akrab. Foston N. A. (2002) melaporkan kebahagiaan yang ditemui oleh pasangan Neal dan Kim Correia yang berkenalan di internet membuktikan bahawa internet adalah ruang yang menemukan cinta dan kasih sayang sehingga membawa kebahagiaan kepada pasangan ini. Pelbagai kisah penemuan jodoh di internet telah juga dilaporkan di akhbar, majalah dan jurnal lain. Diana (2000) misalnya melaporkan pertemuan Odalis Ochoa dan Juan Serrati di internet.

Kebosanan adalah faktor kedua penting yang dilaporkan (38.8%). Kebanyakan responden memasuki ruangan berseimbang adalah untuk mengatasi masalah kebosanan disebabkan tiada aktiviti yang menarik untuk dilakukan, di samping faktor persekitaran seperti tinggal bersendirian dan tidak suka

perhubungan yang bersemuka. Selain itu juga 51.1% dalam kalangan responden bersembang di internet tanpa sebab yang spesifik. Keputusan ini disokong oleh kajian London & Menello (1974) mendapati kebosanan adalah antara punca kenapa seseorang itu bersembang di internet.

Faktor ketiga yang mendorong kegiatan bersembang di internet dalam kalangan wanita Melayu dewasa awal adalah disebabkan oleh faktor ketagihan iaitu, 36.2%. Ini dapat dilihat apabila kebanyakan responden meluangkan masa yang lama untuk bersembang, di samping kerap bersembang dan menghabiskan masa sekurang-kurangnya 3 jam sehari untuk bersembang di internet. Menurut Golberg (1996), penggunaan istilah “ketagihan internet” bukan sesuatu yang baru, kerana terdapat bentuk ketagihan lain yang berlaku sebelumnya seperti ketagihan komputer dalam kehidupan harian mereka. Fenomena ini sering berlaku ke atas seseorang yang telah kehilangan pekerjaan dan disingkir dari sekolah. Menurut beliau, ketagihan boleh dikelaskan sebagai ketagihan sihat, tidak sihat dan juga kombinasi kedua-duanya. Margoneili L. (2000) mengupas fenomena ini, pengguna internet menghabiskan waktu 2 jam 13 minit atas talian seminggu. Lima belas minggu kemudian, angka tersebut meningkat 45 peratus kepada 3 jam 13 minit. Kajian-kajian yang dipetik oleh Margoneili L. (2000) menunjukkan kebanyakan responden menghabiskan semakin banyak waktu di internet berbanding dengan pasangan dan keluarga mereka.

Faktor kesunyian adalah faktor keempat yang menyebabkan responden bersembang di internet (34%). Ini adalah disebabkan responden yang tidak ada aktiviti serta lebih suka menyendiri di samping tiada sokongan dan aktiviti sosial. Keadaan persekitaran seperti tinggal seorang diri juga membuatkan responden memilih untuk bersembang di internet. Kajian Reberts N. (1996) mendapati individu yang berada dalam kesunyian dapat menemui seseorang yang bermotivasi yang dapat berkongsi maklumat dan memberi sokongan kepada mereka.

Faktor kemurungan adalah faktor kelima yang dipilih oleh responden (17%). Ini dapat dilihat daripada kajian Sherbourne C.D. (1995) yang mendapati saluran bersembang dapat mengurangkan masalah kemurungan. Ini merupakan satu daya tindak yang amat sihat sekali. Dalam kajian ini, responden selalu meluahkan perasaan murung pada orang yang bersembang dengannya. Penggunaan saluran bersembang di internet dalam kalangan individu yang mengalami kemurungan merupakan suatu langkah alternatif yang baik untuk meningkatkan pengetahuan, teknik-teknik sendiri dan teknik komunikasi perunadan serta dapat meramal revolusi kemurungan. Amalan bersembang dalam kalangan wanita Melayu dewasa awal ini merupakan langkah yang bijak untuk membantu mengawal kemurungan bagi individu yang tidak berminat dengan perkhidmatan kaunseling.

JADUAL 3: Faktor Bersembang di Internet

| FAKTOR | % |
|----------------------------|------|
| Ketagihan | 36.2 |
| Kemurungan | 17 |
| Persahabatan “rakan siber” | 68.1 |
| Kebosanan | 38.8 |
| Kesunyian | 34 |

KESIMPULAN

Bersembang di internet menjadi suatu ‘trend’ baru dalam kalangan pengguna internet. Kemudahan bersembang di internet diwujudkan bagi maksud positif iaitu, menyediakan ruang, pentas, tempat atau apa saja bagi semua orang berbual secara maya untuk tujuan kebaikan. Akan tetapi, oleh kerana sifatnya yang maya, laman bersembang di internet boleh pula disalahgunakan oleh penggunaannya untuk pelbagai maksud yang negatif. Daripada kajian ini didapati tujuan utama golongan wanita Melayu dewasa awal bersembang di internet adalah untuk mencari rakan siber. Namun terdapat juga beberapa faktor yang mendorong golongan wanita ini bersembang di internet iaitu, antaranya disebabkan oleh faktor ketagihan, kemurungan, kesunyian dan kebosanan kerana kekurangan sokongan dan aktiviti sosial. Kajian ini juga menyokong kajian yang dilakukan oleh Gilligan C. (1982), iaitu golongan wanita amat memerlukan perhubungan dalam kehidupan mereka. Perhubungan ini tidak kiralah sama ada perhubungan sesama wanita ataupun lelaki. Oleh itu, jika mereka gagal membina perhubungan, maka mereka akan cuba sedaya yang mungkin mewujudkan perhubungan sama ada secara konvensional ataupun melalui internet.

RUJUKAN

- Biggs, S. 2000. “Charlotte’s Web:” How One Woman Weaves Positive Relationships on the Net. *CyberPsychology & Behaviour*. Vol. 3, No. 4.
- Diana A. Terry Azlos. 2000. Latinos are searching for – and finding – love in Cyberspace. *Hispanic*. November.
- Foston N. A. 2002.
- Gilligan C.. 1982.

- Kraut R, Petterson M, Lundmark V, Kiesler S, Mukopadhyay T, Scherlis S. 1998. *A social technology that reduces social involvement and psychological well-being*. *Am Psychology*; 1017-1031.
- London & Menello. 1974.
- Margoneili L., 2000. Has the Internet Stolen your Mate?. *Health*. October.
- McDowell I, Newell C. 1996. *Depression in anonymous measuring health: A guide to rating scale and questionnaire*. Oxford University Press. New York.
- McFarlane M, Bull SS and Rietmeijer CA. 2002. Young adults on the Internet: risk behaviours for sexually transmitted diseases and HIV. *Journal of Adolescent Health*. 31(1):11-16.
- Nikitta A. Foston. 'I Met My Husband Online!'
- Podlas, Kimberlianne. 2000. *Mistresses of Their Domain: How Female Entrepreneurs in Cyberporn Are Initiating a Gender Power Shift*. *CyberPsychology & Behaviour*. Vol. 3, No. 5.
- Roberts N. 1996. *Out of teh doldrums on the net: Surfing the internet to break depression*. *New Statesman*. 127:24.
- Sherbourne CD, Hays RD, Wells KB. 2003. *Personal and psychosial risk factors for physical and mental health outcomes and course of depression among depressed patient*. *Journal Consult Cliniciel Psychology*; 63:345-355.

Shazli Ezzat Ghazali

Ponnusamy a/l Subaramaniam

Normah Che Din

Mahadir Ahmad

Unit Psikologi Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu

Universiti Kebangsaan Malaysia

Roosfa Hashim

Pusat Pengajian Umum

Universiti Kebangsaan Malaysia